

## UPSR - Karangan Jenis Catatan (Catatan Harian )

Tajuk : **Catatan Hari Keluarga**

**Sabtu, 19 Julai 2010**

- 8.00 pagi Sekolah kebangsaan Seri Damai mengadakan Hari Keluarga. Semua guru, ibu bapa dan murid berkumpul di padang dengan perasaan girang. Sudah tiga kali Hari Keluarga diadakan.
- 8.15 pagi Cikgu Khalid dan Cikgu Arif sibuk menyusun barang yang hendak digunakan dalam acara sukaneka. Beberapa orang guru ibu bapa turut membantu untuk melicinkan kerja pada hari tersebut.
- 8.30 pagi Acara pertama ialah ucapan daripada Yang Dipertuan Persatuan Ibu bapa dan Guru. Dalam ucapannya, beliau melahirkan rasa gembira dan berpuas hati atas kehadiran tetamu dan ibu bapa pada Hari keluarga itu. Tuan Guru Besar, Tuan Haji Ismail merakamkan terima kasih kerana setiap aktiviti yang dianjurkan oleh PIBG dijalankan dengan lancarnya.
- 9.05 pagi Acara-acara yang diwakili ialah lari dalam guni, meniup belon, memakan epal, memancing botol dan lain-lain. Setiap acara disertai melebihi 20 orang. Semua peserta memaparkan semangat kekitaan dan memegang sikap bertolak ansur yang terpuji.
- 11.45 pagi Ucapan penyampaian hadiah dilangsungkan. Para pemegang tampil ke pentas untuk menerima hadiah dan sijil penghargaan. Sepanjang upacara dijalankan, murid-murid lebih mengutamakan keharmonian dan bekerjasama antara satu sama lain.
- 12.00 tengah hari Majlis Hari Keluarga diakhiri dengan persembahan tarian dan nyanyian. Guru-guru turut mengambil bahagian dalam drama sukaria. Guru besar menyampaikan upacara terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan majlis tersebut.
- 1.45 petang Acara-acara berakhir. Semua murid pulang dengan perasaan puas. Mereka berharap agar aktiviti seperti ini akan diadakan lagi pada tahun depan.